

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT - BN ]**

**SOALAN (NO. 60)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah perlu Kementerian menetapkan satu garis panduan peruntukan gaji pemain bola sepak dalam liga bola sepak di Malaysia bagi mengelakkan berlakunya tekanan terhadap persatuan bola sepak sehingga menyebabkan berlakunya isu kegagalan membayar gaji kepada pemain.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak berhasrat untuk menetapkan garis panduan peruntukan gaji pemain bola sepak dalam liga bola sepak di Malaysia. Ini adalah kerana tugas untuk membangunkan sukan bola sepak adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Selaras dengan Statut FIFA Fasal 13 dan 17 yang menyebut bahawa anggota organisasinya (merujuk kepada FAM) perlu menjalankan aktiviti secara bebas tanpa campur tangan pihak ketiga (merujuk kepada Kerajaan).
2. Namun begitu, Jawatankuasa Status Pemain di bawah Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) pernah melaksanakan had pemberian gaji maksima kepada pemain-pemain tempatan yang beraksi dalam Liga Malaysia ialah sebanyak RM 8,000.00 sebulan sebelum tahun 2006.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada bulan September 2013, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri pernah menasihatkan Persatuan Bola Sepak Negeri dan Kelab Bola Sepak yang beraksi dalam Liga Malaysia untuk membayar gaji pemain setimpal dengan prestasi mereka.

Sekian, terima kasih.